

Saya tak akan marahi Tunku - Dr. Mahathir

UM 19 JUN 1990

KAMPUNG RAJA 18 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau tidak akan memarahi Tunku Abdul Rahman biar apapun yang dikatakan oleh Tunku terhadap UMNO dan dirinya "kerana saya sentiasa menghormatinya sebagai Bapa Malaysia dan Bapa Kemerdekaan."

Perdana Menteri menegaskan Tunku sebenarnya dihasut oleh pemimpin - pemimpin Semangat 46.

Berucap pada pejumpaan dengan pemimpin UMNO bahagian Besut di sini hari ini Dr. Mahathir berkata, beliau tidak merasa marah dengan kata-kata yang diluahkan oleh Tunku itu kerana beliau sedar kata-kata eumpama itu terbit daripada hasutan pemimpi - pemimpin Semangat 46.

Perdana Menteri berkata, Tunku yang sudah tua itu sepatutnya duduk di rumah, "memegang tasbih dan beramal kepada Tuhan."

Menurutnya, pemimpin - pemimpin Semangat 46 kini bukan hanya setakat menghasut Tunku tetapi turut mengganggu, menghasut, menekan dan mengugut pegawai kerajaan.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat bahawa Semangat 46 adalah sebuah badan berasingan yang tidak ada kena mengena dengan perjuangan dan semangat yang ditunjukkan oleh UMNO pada tahun 1946.

'Berhingus'

Bagaimana parti itu mahu memperjuangkan apa yang diperjuangkan oleh UMNO pada tahun 1946 sedangkan sebilangan besar pemimpinnya terdiri daripada mereka yang masih "berhingus" pada ketika itu, katanya.

Lagipun, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, apa yang dilakukan oleh Semangat 46 sekarang iaitu bekerjasama dengan DAP tidak pernah dilakukan oleh UMNO sebelum ini.

"Bagaimana kita mahu memilih mereka untuk mentadbir negara ini sedangkan kita tahu DAP adalah sebuah parti yang mengutamakan kepentingan peribadi dan kaum tertentu sahaja," tegas beliau.

Menurutnya, AP dipimpin oleh seorang yang tidak akan memi enarkan sesiapapun cuba untuk menggugat kedudukannya malah akan menyingkir sesiapa sahaja yang berani menegur tindak-tanduknya.

"Semua orang tahu bahawa Timbalan Setiausaha Agung Encik Lee Lam Thye lebih popular daripada Encik Lim Kit Siang tetapi beliau (Encik Lee) tidak mungkin dapat naik ke atas atau mencabar Encik Lim," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Beliau berkata, Encik Lim sekarang sedang berusaha mewujudkan satu dinasti dalam DAP dengan mengasuh anaknya sendiri, Lim Guan Eng, untuk menerajui parti itu pada satu masa kelak.

Jadi, jelaslah apa yang dikatakan "Semangat 46" itu tidak lebih daripada satu semangat kecewa semata-mata kerana tidak dapat menjadi Perdana Menteri atau menteri kabinet, kata beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga bertanya kenapa PAS sanggup bekerjasama dengan DAP jika parti itu benar-benar mahu menegakkan negara Islam sedangkan pemimpinnya menyedari DAP berpegang teguh kepada ideologi sekularnya dan sentiasa menentang apa sahaja unsur Islam yang dilakukan oleh kerajaan hari ini.

PAS sanggup "menjual ayat Quran dengan harga yang murah" semata-mata untuk kepentingan politik para pemimpinnya, katanya lagi.

Beliau berkata Islam akan hancur sekiranya PAS bekerjasama dengan DAP kerana pemimpin PAS tidak berkelakuan seperti seorang Islam yang sejati manakala pemimpin DAP sentiasa menentang Islam.